

# Langkah perkukuh kedudukan parti

**Kuala Lumpur:** Langkah UMNO memberi kuasa kepada Badan Perhubungan Negeri parti itu adalah satu tindakan demokratik dan bertepatan dengan kedudukan parti itu yang kini menjadi parti pembangkang.

Penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Ainul Adzelle Hasnul, berkata langkah itu adalah usaha parti berkenaan mengukuhkan kedudukannya dan strategi melancarkan jentera parti.

Katanya, dengan penurunan kuasa itu, Badan Perhubungan UMNO Negeri dapat membuat percaturan dan mengatur strategi dengan lebih kukuh di bahagian di negeri masing-masing.

“Satu langkah tepat yang mana domestik atau dalaman parti pada peringkat cawangan dan bahagian dapat diselesaikan di negeri masing-masing.

“Setiap negeri, keperluan dan masalah yang dihadapi berbeza, lebih-

lebih lagi UMNO kini bukan lagi parti kerajaan,” katanya mengulas strategi terbaharu UMNO di bawah kepimpinan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, yang menjalankan tugas Presiden, dalam menyusun dan menstruktur semula operasi UMNO di seluruh negara.

## Jawatankuasa tentukan kuasa

Mohamad pada mesyuarat pertama Majlis Kerja Tertinggi UMNO kelmarin berkata, satu jawatankuasa diterajui Naib Presiden parti akan menentukan bagaimana kuasa lebih banyak diberikan kepada Badan Perhubungan negeri supaya tidak terlalu berpusat yang mana sebelum ini semuanya ditentukan ibu pejabat parti.

Penganalisis politik di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata langkah terbaharu UM-

NO itu memberi autonomi kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri untuk merancang dan membuat keputusan berkaitan parti serta isu penting dalam konteks negeri masing-masing

## Kurangkan birokrasi

Katanya, langkah itu memberi peluang untuk UMNO negeri memperkukuh strategi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Jika UMNO negeri kuat, ia juga menyumbang kepada UMNO secara keseluruhan. Ini juga dapat mengurangkan birokrasi dan apa-apa keputusan boleh dibuat dalam keadaan lebih pantas tanpa banyak merujuk kepada kepemimpinan pusat terutama menjelang pilihan raya.

“UMNO negeri berhak menentukan strategi terbaik mereka untuk menang. Campur tangan UMNO Pusat secara berlebihan akan memberi kesan negatif kepada negeri,” katanya.